



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PUTRAJAYA URBAN BIODIVERSITY CHALLENGE 2023

PUTRAJAYA, 3 Julai 2023 – Majlis penyampaian hadiah Putrajaya Urban Biodiversity Challenge 2030 (PUBC 2023) pada hari ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya di Bilik Anggerik, Kompleks PPj.

PUBC 2023 yang telah berlangsung selama satu bulan bermula pada 2 Mei hingga 1 Jun 2023 adalah merupakan program baharu yang julung kali dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya, di bawah inisiatif Bandar Hijau Putrajaya. Pengajuran PUBC 2023 adalah selaras dengan tindakan di bawah Putrajaya Climate Action Plan 2030 iaitu tema tindakan '*Blue and Green: Conduct Continuous Enhancement of Urban Biodiversity*'.

Selain itu, PUBC juga bertujuan untuk meningkatkan kepekaan dan ilmu pengetahuan orang awam terhadap biodiversiti bandar iaitu flora dan fauna yang wujud di persekitaran kita. Dengan penggunaan aplikasi iNaturalist, orang awam dapat melibatkan diri secara mudah dalam PUBC 2023 semasa muatnaik gambar pemerhatian (*observation*).

Seramai 62 peserta telah menyertai pertandingan ini dan sebanyak 9,615 gambar pemerhatian telah diterima untuk penilaian. Mengikut rekod, lebih daripada 1,000 spesies flora dan fauna telah dikenal pasti oleh peserta.

Kesemua peserta merebut hadiah bagi tiga (3) kategori yang dipertandingkan iaitu '*Most Observation Capture*' di mana pemilihan pemenang adalah berdasarkan peserta

yang telah memuat naik bilangan gambar pemerhatian yang tertinggi. Mana kala dua (2) kategori lagi terbahagi kepada Flora dan Fauna bagi ‘*Most Species Capture*’, di mana pemilihan pemenang adalah berdasarkan peserta yang telah memuat naik bilangan gambar pemerhatian flora atau fauna yang tertinggi mengikut kategori masing-masing.

Seramai 10 orang pemenang telah dipilih bagi setiap kategori dan akan membawa pulang hadiah wang tunai beserta sijil.

(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah Komunikasi Korporat

b.p. Presiden

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 3 Julai 2023

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564

LAMPIRAN**PUTRAJAYA URBAN BIODIVERSITY CHALLENGE 2023**
SENARAI NAMA PEMENANG DAN HADIAH MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI	TEMPAT	HADIAH	NAMA PEMENANG
<i>Most Observation Capture</i>	Johan	RM500 + Sijil	Sim Ee Chai
	Naib Johan	RM400 + Sijil	Rosnani Binti Abd Karim
	Ketiga	RM300 + Sijil	Nurul Farhana Tan Abdullah
	Saguhati	RM100 + Sijil	Nur Azleen Binti Jamaluddin
	Saguhati	RM100 + Sijil	Noorazlina Binti Mohd Nasir
	Saguhati	RM100 + Sijil	Nur Liyana Aimi Binti Nor Hishammudin
	Saguhati	RM100 + Sijil	Siti Badariah Binti Ismail
	Saguhati	RM100 + Sijil	Azlin Binti Aminuddin
	Saguhati	RM100 + Sijil	Nur Hafiz Irfan Bin Nor Hishammudin
	Saguhati	RM100 + Sijil	Hasnurul Akhma Binti Hassan

KATEGORI	TEMPAT	HADIAH	NAMA PEMENANG
<i>Most Species Capture (Flora)</i>	Johan	RM500 + Sijil	Nik Faizu Bin Nik Hassan
	Naib Johan	RM400 + Sijil	Rafidah Binti Abdul Rahman
	Ketiga	RM300 + Sijil	Nur Syafiqah Binti Mohamad Azhar
	Saguhati	RM100 + Sijil	Nor Amira Binti Mat Zain

Saguhati	RM100 + Sijil	Nadhirah Binti Mohd Masri
Saguhati	RM100 + Sijil	Nor Hazami Binti Rozan
Saguhati	RM100 + Sijil	Ngieng Kiong Kiong
Saguhati	RM100 + Sijil	Nurun Niswa Binti Samsol Bari
Saguhati	RM100 + Sijil	Mohd Amin Bin Sarman
Saguhati	RM100 + Sijil	Amy Nadiea Nazierah Binti Ibrahim

KATEGORI	TEMPAT	HADIAH	NAMA PEMENANG
<i>Most Species Capture (Fauna)</i>	Johan	RM500 + Sijil	Ahmad Daud Bin Abdul Manan
	Naib Johan	RM400 + Sijil	Dhiviyaah A/P Krishna Moorthi
	Ketiga	RM300 + Sijil	Mohd Fariq Bin Rosli
	Saguhati	RM100 + Sijil	Mohd Afif Bin Tajudin
	Saguhati	RM100 + Sijil	Nor Hasimah Binti Samod
	Saguhati	RM100 + Sijil	Mohammad Aiman Bin Mazlan
	Saguhati	RM100 + Sijil	Juariah Hafsyah Binti Muhamad @ Mansor
	Saguhati	RM100 + Sijil	Mustazalaffindi Bin Mat Jusoh
	Saguhati	RM100 + Sijil	Nor Arzura Binti Ab Rahim
	Saguhati	RM100 + Sijil	Nor Amsyar Ikhwan Bin Nor Ismail